# TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-47

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr>
<td>1.</td>
<td>Minit 47.0 (d)(iii)</td>
<td>Mesyuarat mengambil perhatian perkara yang perlu dilaksanakan bagi penamatan pensijilan EMS adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Tindakan</th></tr>
<tr><td>1. Pemakluman kepada pihak Badan Pensijilan.</td><td>Pusat Jaminan Kualiti (CQA)</td></tr>
<tr><td>2. Pemakluman rasmi kepada warga Universiti.</td><td>CQA & Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi</td></tr>
<tr><td>3. Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 28 Disember 2020.</td><td>Semua PTJ</td></tr>
<tr><td>4. Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS (Contoh: aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko).</td><td>Semua PTJ</td></tr>
<tr><td>5. Amalan Go Green diteruskan selaras keperluan UI-Green Metric</td><td>Semua PTJ</td></tr>
<tr><td>6. Amalan bagi kawalan pencemaran alam sekitar yang terdapat dalam pelaksanaan EMS perlu diteruskan dan dimasukkan dalam dokumen QMS atau kaedah lain yang bersesuaian (Contoh: Pengendalian Bahan Beracun dan Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran)</td><td>Semua Peneraju Proses EMS</td></tr>
</table>
</td>
<td>TWP CQA,<br>TWP PTJ,<br>TWP Peneraju EMS</td>
<td><u>Maklum Balas TWP CQA:</u><br>Pemakluman rasmi telah dibuat kepada pihak SIRIM serta hebahan kepada semua PTJ melalui INFO UPM pada 4 Mac 2020. Berikut adalah keputusan akhir berkenaan penamatan pensijilan:<br><br>(a) Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 6 Mac 2020. Tetapi, dibenarkan mengguna letter head sedia ada yang mempunyai logo pensijian EMS sehingga 28 Disember 2020.<br><br>(b) Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS iaitu aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko.</td>
</tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | (c) Amalan *Go Green* diteruskan selaras keperluan Penarafan *UI-Green Metric.*<br><br>**<u>Maklum Balas PPUU:</u>**<br>Penggunaan logo pensijilan EMS di dalam dokumen rasmi telah dihentikan setelah makluman tentang Penamatan Pensijilan EMS ISO 14001:2015 di Universiti Putra Malaysia diperolehi melalui emel bertarikh 4 Mac 2020.<br><br>**<u>Maklum Balas FSTM:</u>**<br>Pihak FSTM ambil maklum berkaitan penamatan pensijilan EMS. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **Minit 47.0 (d)(iv)** | Mesyuarat mencadangkan supaya semakan dibuat dengan pihak SIRIM bagi memastikan tiada implikasi yang akan ditanggung oleh pihak UPM sekiranya pensijilan EMS ditamatkan lebih awal daripada tempoh sah laku sijil yang dikeluarkan oleh pihak SIRIM. | **KBPKP, PAD** | SIRIM memberi maklum balas bahawa pensijilan EMS di UPM ditamatkan pada 6 Mac 2020. |
| **3.** | **Minit 47.0 (d)(v)** | Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan dikekalkan di bawah tadbir urus Pejabat Penasihat Undang-Undang UPM dengan tujuan supaya PPUU dapat membuat semakan secara berkala ke atas senarai daftar perundangan yang masih terpakai di UPM walaupon selepas pensijilan EMS ditamatkan. | **TWP PPUU** | PPUU membuat semakan secara berkala dan pindaan ke atas senarai daftar perundangan akan dikemaskini sekiranya terdapat keperluan. |
| **4.** | **Minit 47.0 (e)** | Mesyuarat meminta semua ahli memberi kerjasama dan komitmen untuk hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM sepertimana yang telah dijadualkan dalam Takwim Kualiti UPM memandangkan mesyuarat ini merupakan medan untuk membincangkan mengenai isu atau perkara penting berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO di UPM yang turut perlu dilaporkan ke Mesyuarat Pengurusan PTJ. | **Semua Ahli** | **<u>Maklum Balas CQA :</u>**<br>Kehadiran ahli mesyuarat ini direkodkan bagi pemantauan komitmen, tindakan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO di UPM. Turut dijadikan agenda dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ.<br><br>**<u>Maklum Balas SPS :</u>**<br>Ambil maklum.<br><br>**<u>Maklum Balas FSTM:</u>**<br>Pihak FSTM ambil maklum. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **5.** | **Minit 47.2** | Minit 46.2 (a) – Mesyuarat mengambil maklum perbincangan antara Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dengan entiti yang terlibat telah diadakan pada 18 Februari 2020 bagi membincangkan berkaitan cadangan dan isu pelaksanaan PutraViD yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-46. Hasil perbincangan seterusnya meminta pihak iDEC memberikan maklum balas segera ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti berhubung cadangan yang dipersetujui semasa perbincangan tersebut, yang merangkumi perkara berikut:<br><br>(i) Cadangan supaya pemilik proses Kad Maya PutraViD diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Pendaftar UPM. Bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada pandangan dan maklum balas pihak Pejabat Penasihat Undang-undang UPM;<br><br>(ii) Cadangan supaya hanya satu entiti sahaja yang diberi kuasa untuk mencetak Kad Maya PutraViD iaitu Bahagian Keselamatan Universiti (BKU). Sehubungan itu, perbincangan awal dengan pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) akan diadakan supaya PSAS tidak melaksanakan tindakan sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat JPU sebelum ini;<br><br>(iii) Pemilik sistem aplikasi Kad Maya PutraViD, PutraVerify dan UPMID dikekalkan di bawah tanggungjawab Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC); dan<br><br>(iv) Memastikan pemilik proses Kad Maya PutraViD yang ditetapkan mengambil tindakan untuk menyediakan dokumentasi sama ada dalam bentuk *Standard Operating Prosedure,* Garis Panduan, Arahan Kerja dan sebagainya yang bersesuaian bagi memperjelaskan secara menyeluruh berkaitan pelaksanaan PutraViD di UPM. | **TWP iDEC** | **Maklum Balas iDEC :**<br>Pejabat Penasihat Undang Undang melalui surat bertarikh 17Mac berpandangan Pejabat Pendaftar sesuai sebagai pemilik proses kad maya PutraVid selaras dengan peranan Pejabat Pendaftar<br><br>Pihak PSAS bersetuju untuk tidak mencetak kad maya PutraVid.Hanya Bahagian Keselamatan hanya dibenarkan mencetak kad maya PutraViD.<br><br>Maklumbalas mengenai perkembangan ini akan dikemukan ke Mesyuarat Jawatan kuasa Pengurusan untuk makluman<br><br>**Maklum Balas PEND:**<br>Satu sesi perbincangan bersama iDEC, BKU, PSAS dan CQA telah diadakan pada 16 Julai 2020. Hasil perbincangan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat JPU merangkumi perkara berikut: |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 1. Mesyuarat bersetuju Pejabat Pendaftar sebagai pemilik proses Putra VID.<br>2. Pejabat Pendaftar bertanggungjawab dalam menyediakan dan memperincikan dokumentasi bagi pelaksanaan Putra VID. Pekeliling, peraturan dan garis panduan semasa yang berkuat kuasa perlu diteliti semula.<br>3. Cadangan penambahan klausa bagi tindakan terhadap penyalahgunaan Kad Maya pada pekeliling/peraturan yang berkuat kuasa.<br>4. Cetakan kad maya (kes tertentu) akan dilaksanakan oleh BKU.<br>5. Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana Putra VID. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **6.** | **Minit 47.3 (c)** | Mesyuaarat bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 27 Februari 2020 bagi dokumen berikut:<br><br>(i) Manual Kualiti (UPM/PGR/MK);<br>(ii) Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001);<br>(iii) Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003);<br>(iv) Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004);<br>(v) Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO UPM (UPM/PGR/P008);<br>(vi) Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen ISO (PGR/BR01/CPD);<br>(vii) Borang Jadual Audit Dalaman (PGR /BR04/AD 02);<br>(viii) Borang Ketakakuran (PGR/BR03/NCR);<br>(ix) Borang Peluang Penambahbaikan (PGR/BR03/OFI);<br>(x) Log Tindakan Pembetulan (PGR/BL03/LOG-LTB); dan<br>(xi) Log Peluang Penambahbaikan (PGR/BL03/LOG-OFI) | **PKD** | Tindakan telah dilaksana. Kesemua dokumen telah dikuatkuasa pada tarikh 27 Februari 2020. |
| **7.** | **Minit 47.3 (d)** | Mesyuarat mencadangkan supaya penamatan pemakaian 20 dokumen EMS serta maklumat lain berkaitannya dalam paparan eISO hanya dibuat selepas maklum balas diterima daripada pihak SIRIM berhubung penamatan sijil EMS UPM. Sehubungan dengan itu juga, semua peneraju proses EMS yang terlibat diminta membuat semakan untuk meneruskan amalan bagi kawalan pencemaran alam sekitar yang terdapat dalam dokumen EMS masing-masing ke dalam dokumen QMS atau kaedah lain yang bersesuaian (Contoh: Pengendalian Bahan Beracun & Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran). | **PKD, Peneraju EMS** | **Maklum Balas PKD**:<br>Maklumat berkaitan EMS (Dokumentasi, Audit Dalaman, Audit SIRIM, Penilaian Risiko dan Peluang EMS) telah digugurkan daripada Portal e-ISO.<br><br>Berikut adalah maklum balas Peneraju EMS berkenaan status penggunaan dokumentasi EMS yang digunapakai sebelum ini: |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 1. PPKKP - Prosedur Pengurusan bahan radioaktif dan radas sinaran digugurkan kerana maklumat terperinci berkaitan telah dinyatakan dalam buku program pelindungan sinaran UPM yang akan disemak selaras pembaharuan lesen sinaran. Buku program pelindungan sinaran UPM merupakan dokumen rujukan dalaman bagi proses pengurusan bahan radioaktif dan radas sinaran. Dokumen ini telah berada di Muat Turun Sistem OSHOnline UPM;<br><br>2. TPU - Prosedur Pengendalian Bahan Beracun digugurkan dan satu SOP berkaitan akan dibangunkan untuk PTJ yang berkenaan; |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 3. Pejabat Bursar - Prosedur penjimatan kertas digugurkan kerana tidak sesuai dimasuklan dalam proses kewangan QMS. Walau bagaimanapun, pelaporan bagi penjimatan akan dimohon kepada PTJ sekiranya ada pelaporan yang diperlukan oleh pihak Universiti;<br><br>**4.** PPPA – Prosedur Penjimatan Elektrik akan digugurkan dan satu SOP berkaitannya akan dibangunkan. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>8.</td><td>Minit 47.3 (e)</td><td>Mesyuarat meminta semakan dibuat bagi menentukan samada ada amalan Go Green dalam pelaksanaan EMS sedia ada perlu diteruskan atau tidak berdasarkan keperluan Penarafan UI-Green Metric.</td><td>TWP PNC</td><td>Perlu diteruskan kerana Skop Go Green merupakan salah satu keperluan penilaian Penarafan UI-Green Metric.<br><br>Sekretariat Penarafan UI-Green Metric adalah di bawah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Minit 47.4 (b)</td><td>Mesyuarat mengambil maklum sehingga 18 Februari 2020, masih terdapat sebanyak 58 NCR dan 32 OFI yang belum ditutup melebihi tempoh cadangan penutupan. Justeru, mesyuarat meminta peneraju proses yang terlibat mengambil tindakan segera bagi tujuan penutupan NCR dan OFI yang terlibat.
<table>
<tr><th><u>Audit Dalaman 2019</u></th><th><u>Jumlah NCR/OFI belum ditutup melebihi tempoh</u></th><th><u>PTJ terlibat</u></th></tr>
<tr><td>QMS</td><td>25 NCR, 53 OFI</td><td>Pejabat Bursar, CALC, FS, IBS, iDEC, IKP, INSPEM, INTROP, ITAFOS, PASP, PKKSSAAS, PIC (iPUTRA), Penerbit, SPS & UPMKB</td></tr>
<tr><td>ISMS</td><td>5 NCR, 7 OFI</td><td>FS, FPSK, iDEC, UPMKB, BKU, CADe, FH</td></tr>
<tr><td>EMS</td><td>Tidak berkaitan. Semua NCR ditutup dan OFI masih dalam tempoh tindakan.</td><td>Tidak berkaitan.</td></tr>
</table></td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ yang berkenaan</td><td><u>Maklum Balas PAD :</u><br>Penemuan audit dalaman melebihi tempoh (Status terkini sehingga 22 Julai 2020, jam 10 pagi):<br><br>QMS: 20 NCR dan 45 OFI<br><br>NCR – UPMKB (13)*; P. Pend (1); IKP (1); P. Bursar (1); iDEC (1); PPPA (1); FS (1); IBS (1)<br><br>OFI – UPMKB (21)*, PIC (5), COSCOMM/PNC (5), PPKKP/PNC (3), PKKSSAAS (3). PASP (3), IKP (2), P. Bursar (1), FP (1), iDEC (1)</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **ISMS: 3 NCR dan 6 OFI**<br><br>NCR – UPMKB (2)*, iDEC (1)<br><br>OFI – UPMKB (3)*, CADE (2), BKU (1)*.<br><br>Nota*:<br>Paparan penemuan audit tiada dalam paparan TWP dan TPAD. Telah memaklumkan kepada iDEC melalui SPICT. Mohon juga semua PTJ untuk membuat semakan dalam PortalCQA. Maklumkan kepada CQA sekiranya penemuan audit tiada dalam paparan PTJ untuk diambil tindakan.<br><br>**Maklum Balas SPS :**<br>Semua NCR telah ditutup manakala OFI tinggal 1 belum ditutup (belum sampai tempoh pusingan) – berkaitan dengan penambahbaikan sistem tesis *online.* |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **10.** | **Minit 47.4 (c)** | Mesyuarat mencadangkan beberapa penambahbaikan dilaksanakan supaya proses penutupan penemuan audit dalaman ISO dapat dilaksana secara lebih berkesan mengikut tempoh, antaranya:<br><br>(i) menambahbaik Sistem Audit Dalaman dengan memasukkan elemen *trigger/alert* kepada juruaudit terlibat selepas PTJ selesai memuatnaik bukti tindakan dengan lengkap;<br><br>(ii) memastikan status terkini penutupan penemuan audit dalaman dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ sebagai salah satu kaedah pemantauan;<br><br>(iii) PTJ perlu memaklumkan Juruaudit sekiranya bukti tindakan telah dimuatnaik dalam Sistem Audit Dalaman; dan<br><br>(iv) pembayaran elaun juruaudit hanya dibuat selepas penemuan audit ditutup. | **PAD** | (i) Sistem Audit Dalaman telah ditambahbaik dengan memasukkan *trigger/alert* kepada juruaudit terlibat selepas PTJ selesai memuatnaik bukti tindakan dengan lengkap;<br>(ii) Tindakan TWP untuk melaporkan status terkini penutupan penemuan audit secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ;<br>(iii) PTJ tidak perlu memaklumkan secara manual kepada juruaudit bagi tujuan penutupan penemuan audit. PTJ hanya perlu menekan butang 'Emel JAD' melalui sistem PortaCQA;<br>(iv) Proses pembayaran honorarium juruaudit dibuat setelah selesai proses audit dalaman di PTJ bukan selepas penemuan audit ditutup. Ini mengambil kira tempoh penutupan penemuan audit tidak sama bagi setiap penemuan dan ada juga yang mengambil tempoh pusingan yang lama sehingga tempoh setahun. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **11.** | **Minit 47.4 (e)** | Mesyuarat meminta semua PTJ mematuhi tempoh dan tindakan yang telah ditetapkan bagi fasa pra audit, proses audit dan pasca audit sepertimana yang dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS. | **TWP PP, TWP PTJ** | **<u>Maklum Balas PAD :</u>**<br>Pelaksanaan audit dalaman QMS dan ISMS masih dalam tempoh sehingga 28 Ogos 2020. Pemantauan tindakan PTJ dan Ketua Juruaudit Dalaman melalui PortalCQA dibuat secara berkala oleh Penyelaras Audit (PAD).<br><br>**<u>Maklum Balas SPS :</u>**<br>Ambil maklum. Audit Dalaman SPS akan dilaksanakan pada 11 Ogos 2020 hingga 14 Ogos 2020.<br><br>**<u>Maklum Balas PNC :</u>**<br>Tempoh dan tindakan yang telah ditetapkan bagi pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS dipatuhi.<br><br>**<u>Maklum Balas FSTM:</u>**<br>Pihak FSTM ambil maklum dan Audit Dalaman QMS FSTM dilaksanakan pada 16-17 Julai 2020 di mana ianya ditangguhkan disebabkan PKP bermula 18 Mac 2020. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>12.</td><td>Minit 47.5.1 (a) (iii)</td><td>Mesyuarat meminta semua PTJ mengambil tindakan penambahbaikan melalui pengurusan risiko Operasi QMS PTJ dalam membantu pencapaian masa hadapan bagi lima (5) KPI tahun 2019 yang tidak mencapai sasaran (tahap pencapaian 0-74%), iaitu:<br><br>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>KPI 2019 yang tidak mencapai sasaran</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Penerbitan dalam jurnal berindeks</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Penerbitan Q1 dan Q2</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Geran Penyelidikan</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Pendapatan RDCE dan lain-lain</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Projek penyelidikan secara kerjasama</td></tr>
</table></td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ</td><td>Telah diambilkira dalam penyataan isu dalaman bagi penilaian risiko operasi PTJ.</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>Minit 47.5.1 (b) (iii)</td><td>Mesyuarat meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran atau penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran pada tahun berikutnya dapat dicapai.</td><td>TWP PNC,<br>TWP TNCAA, TWP SPS,<br>TWP CQA,<br>TWP PKKSSAAS,<br>TWP PKU,<br>TWP iDEC</td><td><u>Maklum Balas SPS :</u><br>Mewujudkan tabung khas GRF. Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian & Aras Tahun 2020 (Jan-Jun) mencapai sasaran 100% (Minit JKTK 7/2 (2019) pada 23/5/2019).<br><br><u>Maklum Balas PNC :</u><br>Petunjuk Prestasi yang tidak mencapai sasaran tahun 2019 adalah:<br>Peratusan pengauditan dijalankan mengikut program audit termasuk tugas tambahan tahun semasa</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Tindakan kawalan ketakakuran /penambahbaikan:<br>1. Membuat pemantauan 2 minggu sekali status pelaksanaan tugasan audit yg di pengerusikan oleh Ketua Audit Dalam<br>2. Mengadakan mesyuarat JKA pada Jan 2020 untuk baki pelaporan audit tahun 2019 selepas perlantikan ahli JKA yang baru<br>3. Memberi fokus ke atas analisis data berkaitan pengauditan yang dilaksanakan dlm tempoh PKP kerana pemeriksaan fizikal tidak dapat dibuat dlm tempoh PKP.<br>4. Pelaporan status semasa pelaksanaan tugasan audit kepada JKA secara berkala.<br><br>**<u>Maklum Balas iDEC :</u>**<br>Masih dalam proses penambahbaikan<br><br>**<u>Maklum Balas CQA:</u>**<br>Menjadualkan semula proses akreditasi program berdasarkan Cadangan pelaksanaan akreditasi program semasa dan pasca PKP yang telah diluluskan oleh Senat UPM pada bulan Mei 2020. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **14.** | **Minit 47.5.1 (b) (iv)** | Mesyuarat mencadangkan sistem temujanji pergigian atau kaedah lain seumpamanya digunapakai untuk menambahbaik pencapaian petunjuk prestasi berkaitan proses konsultansi pergigian. | **TWP PKU** | Cadangan untuk digugurkan (rujukan Laporan Agenda 6 (a) (ii). |
| **15.** | **Minit 47.5.1 (b) (v)** | Mesyuarat meminta supaya cadangan perubahan petunjuk prestasi di bawah objektif kualiti "Mendapatkan calon pelajar cemerlang mengikut program pengajian" diteliti kembali mengambilkira penambahbaikan semasa mesyuarat antaranya membuat semakan berkaitan penetapan objektif kualiti yang sama di Universiti Awam lain. | **TWP TNCAA** | Semakan telah dibuat dan terkini petunjuk prestasi yang digunapakai adalah sepertimana pengukuran Pelan Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari - Jun 2020 (rujuk pelaporan Agenda 6 (a)(ii)). |
| **16.** | **Minit 47.5.1(b) (vi)** | Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk menggugurkan petunjuk prestasi "Melantik pegawai akademik dari dalam dan luar negara daripadanya graduan 100 universiti terbaik dunia/mengikut bidang kepakaran". Justeru, mesyuarat meminta peneraju proses terlibat mengemukakan cadangan petunjuk prestasi baharu bagi menggantikan petunjuk prestasi tersebut pada mesyuarat akan datang. | **TWP Pejabat Pendaftar** | **Maklum Balas PEND :**<br>Telah dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Pejabat Pendaftar dan bersetuju untuk mengekalkan petunjuk prestasi tersebut bagi tahun 2020. |
| **17.** | **Minit 47.5.1 (b) (vii)** | Mesyuarat mencadangkan supaya jenis sasaran bagi petunjuk prestasi yang melibatkan pengukuran *skala likert* ditukar daripada 'Bilangan' kepada 'Skor'. | **KBPKP, PKD** | Tindakan telah dilaksana. Maklumat sasaran petunjuk prestasi yang melibatkan *skala likert* dalam Sistem Pelan Fungsian dan Aras (eLPFA) telah ditukar kepada 'Skor'. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **18.** | **Minit 47.5.1 (b) (viii)** | Mesyuarat secara dasarnya bersetuju mengesahkan pencapaian pelan fungsian dan aras tahun 2019 serta penetapan petunjuk prestasi tahun 2020 mengambilkira beberapa perubahan sepertimana yang dinyatakan dalam **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)**. | **KBPKP** | Maklumat telah dikemaskini dalam Sistem Pelan Fungsian dan Aras (eLPFA) bagi pengukuran tahun 2020. |
| **19.** | **Minit 47.5.1 (c) (iv)** | Mesyuarat meminta Peneraju Proses dan Ketua PTJ terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran dan penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran. PTJ terlibat juga diminta untuk meneliti punca ketidakcapaian piagam pelanggan dan mengemukakan maklum balas kepada pihak PKPU sebelum 28 Februari 2020. | **TWP PNC,<br>TWP TNCAA,<br>TWP TNC HEPA,<br>TWP TNC JIM,<br>TWP SPS,<br>TWP P. BURSAR,<br>TWP PPPA,<br>TWP PKKSSAAS,<br>TWP PKU,<br>TWP PIC,<br>TWP iDEC,<br>TWP Kolej** | **Maklum Balas PKPU :**<br>PTJ yang telah memberi maklum balas - PNC, Bhg.Akademik, HEPA, SPS, Bursar, PPPA, PKKSSAAS, PKU, PIC, iDEC dan Kolej. PTJ yang belum memberi maklumbalas – Pej. TNC JIM.<br><br>**Maklum Balas SPS :**<br>Piagam Pelanggan<br>Punca: Kekurangan dana peruntukan GRF<br>Penambahbaikan: Wujudkan tabung khas GRF.<br><br>**Maklum Balas PNC :**<br>PTJ telah mengemukakan maklumbalas terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran beserta laporan pencapaian piagam pelanggan keseluruhan.<br><br>**Maklum Balas TWP TNC HEPA :**<br>Status sebagaimana Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan PTJ di bawah HEPA bagi Q1 & Q2 2020. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>
LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN<br>
• Sehingga jun 2020, maklumbalas pelanggan untuk PTJ di bawah HEPA perlu ditingkatkan. Bilangan responden kajian kepuasan pelanggan bagi Q1 dan Q2 2020 adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Entiti</th><th>Q1</th><th>Q2</th></tr>
<tr><td>Pusat Alumni</td><td>328</td><td>768</td></tr>
<tr><td>Pusat Sukan</td><td>108</td><td>0</td></tr>
<tr><td>CEM</td><td>Tiada maklumbalas</td><td>Tiada maklumbalas</td></tr>
<tr><td>PKPP</td><td>Tiada maklumbalas</td><td>Tiada maklumbalas</td></tr>
<tr><td>BHEP</td><td>13</td><td>5</td></tr>
<tr><td>BKUPM</td><td>8</td><td>1</td></tr>
<tr><td>PTNC (HEPA)</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td>PALAPES/SUKSIS/SISPA</td><td>Tiada maklumbalas</td><td>Tiada maklumbalas</td></tr>
<tr><td>KOLEJ KEDIAMAN</td><td>Tiada maklumbalas</td><td>Tiada maklumbalas</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>20.</td><td>Minit 47.5.1 (c) (v)</td><td>Mesyuarat meminta peneraju proses dan PTJ yang ingin membuat pindaan ke atas piagam pelanggan tahun 2020 supaya berbuat demikian seberapa segera bagi membolehkan analisis pencapaian tahun 2020 dapat dilaksanakan dengan lancar.</td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ yang berkenaan</td><td><u>Maklum Balas SPS :</u><br>Tiada pindaan pada Piagam Pelanggan SPS setakat ini.</td></tr>
<tr><td>21.</td><td>Minit 47.5.2 (c)</td><td>Mesyuarat mengambil maklum punca ketidakcapaian objektif ISMS masih tidak dapat dikenalpasti disebabkan ketiadaan data dan tindakan pembetulan yang akan diambil adalah dengan menambah satu soalan ‘open ended’ pada soal selidik sedia ada untuk mendapatkan maklum balas responden yang memberi skor tidak memuaskan bagi membantu peneraju mengenalpasti punca ketidakcapaian sasaran sekiranya berlaku pada masa hadapan.</td><td>TWP CADe</td><td>Komen terbuka telah dimasukkan dalam Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2019/2020 yang dijalankan bermula 15 hingga 26 Julai 2020.</td></tr>
<tr><td>22.</td><td>Minit 47.5.2 (d)</td><td>Mesyuarat bersetuju meluluskan penetapan tiga (3) objektif keselamatan maklumat beserta sasaran bagi tahun 2020 untuk diambil tindakan pemantauan oleh pasukan peneraju ISMS berdasarkan kaedah pengukuran yang ditetapkan sepertimana yang dinyatakan di Lampiran Agenda 6 (b).</td><td>TWP ISMS,<br>Peneraju ISMS</td><td>Pengukuran tiga (3) objektif keselamatan maklumat tersebut belum dapat diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2020.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td>23.</td><td>Minit 47.6.1 (d)</td><td>Mesyuarat bersetuju supaya semua peneraju diberikan tempoh masa yang sesuai untuk melaksanakan kajian pada tahun 2020 iaitu bermula Mac hingga Oktober 2020 merangkumi semua katagori pihak berkepentingan yang disenaraikan bagi setiap skop.</td><td>TWP TNCAA,<br>TWP TNCPI,<br>TWP TNCJIM</td><td>Sedang dalam proses tindakan Peneraju Proses yang terlibat.</td></tr>
<tr><td>24.</td><td>Minit 47.7.1 (c)</td><td>Mesyuarat meminta PTJ melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kaedah kawalan</th><th>Tindakan PTJ</th></tr>
<tr><td>Tolak Ansur (Tolerate)</td><td>Pantau kawalan sedia ada/strategi tindakan (bagi risiko Rendah, pantau secara berterusan 2 tahun dan akan digugurkan selepas tempoh 2 tahun sekiranya kekal tahap risiko Rendah).</td></tr>
<tr><td>Rawat (Treat)</td><td>Pantau kawalan sedia ada/strategi tindakan (tukar strategi tindakan sekiranya tahap risiko kekal Sederhana atau Tinggi)</td></tr>
<tr><td>Pindah (Transfer)</td><td>Majukan surat kepada PTJ yang dikongsi/pindah atau bincang bagi keputusan pindah<br>i. PTJ pemindah – majukan surat kepada PTJ yang menerima & keluarkan isu daripada Senarai Pengurusan Risiko PTJ<br>ii. PTJ penerima – masukkan isu yang diterima dalam Senarai Pengurusan Risiko PTJ & laksana dan pantau pengurusan risiko</td></tr>
<tr><td>Hapus (Terminate)</td><td>Keluarkan isu tersebut daripada Senarai Pengurusan Risiko PTJ (Isu kekal setahun, dikeluarkan pada tahun berikutnya)</td></tr>
<tr><td>Belum Nilai</td><td>Rekod dan pantau masa/tempoh penilaian</td></tr>
</table></td><td>TWP PP,<br>TWP PTJ</td><td><u>Maklum Balas TWP CQA :</u><br>Kaedah kawalan telah dinyatakan dalam Daftar penilaian risiko (e-OPRISK). PTJ perlu mengambil perhatian bagi tindakan kawalan Pindah (juga bermaksud kongsi risiko) bahawa PTJ perlu membuat surat rasmi kepada Peneraju/PTJ yang terlibat sama untuk persetujuan tindakan.<br><br><u>Maklum Balas SPS :</u><br>Telah diambil tindakan. Surat telah dimajukan kepada PTJ yang berkaitan.<br><br><u>Maklum Balas PNC :</u><br>Telah ambil tindakan sewajarnya.<br><br><u>Maklum Balas FSTM :</u><br>Pihak FSTM ambil maklum dan akan melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih.</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **<u>Maklum Balas PPUU:</u>**<br>Terdapat satu (1) isu dalaman PPUU dicadangkan untuk di Hapus (*Terminate*). Perincian adalah seperti berikut:<br><br>Penyataan isu No.5:<br>"Panel peguam lewat menerima bayaran bagi perkhidmatan guaman yang diberikan kepada UPM."<br><br>Justifikasi:<br>Sepanjang tahun 2019, tiada aduan bertulis daripada panel peguam berkenaan kelewatan pembayaran. |
| **25.** | **Minit 47.8.1 (c)** | Mesyuarat meminta semua TWP menyampaikan maklumat pemakaian Dasar UPM terkini kepada warga PTJ masing-masing setelah hebahan dan poster mengenainya diterima daripada pihak Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, UPM. | **TWP PP, TWP PTJ** | **<u>Maklum Balas SPS :</u>**<br>Telah dimaklumkan kepada warga SPS. Dasar UPM juga telah ditampal di lokasi-lokasi yang berkaitan.<br><br>**<u>Maklum Balas PNC :</u>**<br>Telah ambil tindakan sewajarnya.<br><br>**<u>Maklum Balas FSTM:</u>**<br>Telah dimaklumkan. |